

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

5. Senarai bilangan Bilik Rawatan Rapi (ICU) yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut hospital.
 - (a) Adakah perkhidmatan ICU mencukupi dalam tempoh krisis penularan wabak virus COVID-19?
 - (b) Terangkan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan perkhidmatan perubatan dapat diakses oleh semua rakyat Pulau Pinang dengan caj yang berpatutan.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Terdapat 97 buah katil Fasiliti Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital kerajaan dan 64 buah katil ICU di hospital swasta di seluruh Negeri Pulau Pinang seperti perincian di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Semua kes positif COVID-19 akan dihantar ke Hospital Pulau Pinang (HPP). Sehingga 26 Mac 2020, sebanyak 26 buah katil ICU dikhaskan di Hospital Pulau Pinang untuk pesakit COVID-19. Sekiranya diperlukan, terdapat 30 katil ICU lagi di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kepala Batas. Penambahan katil akan dibuat mengikut keperluan serta menggunakan katil-katil dari Wad *High Dependency Unit* (HDU) dan *Coronary Care Unit* (CCU) di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kepala Batas.
 - (b) Pada masa kini, perkhidmatan perubatan dapat diakses oleh semua rakyat Pulau Pinang dengan caj yang berpatutan. Semua caj perubatan dan pengecualian caj yang diberikan bagi kes-kes tertentu di semua hospital

kerajaan adalah mengikut Perintah Fi (Perubatan) 1982. Bagi kes-kes penyakit berjangkit (Warganegara Malaysia sahaja), rawatan adalah secara percuma bagi Kelas 3 dan rawatan pesakit luar diberikan kepada kes-kes yang disahkan penyakit berjangkit, kontak-kontak, disyaki, pengawasan, pemerhatian dan rawatan susulan sebagaimana yang ditetapkan melalui Surat KKM bil(99) dlm.KKM-203/18/Jld 3 bertarikh 19 Februari 2002 dan Garis Panduan dari Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengecualian caj adalah bagi kes yang dirujuk oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

LAMPIRAN A

1) PECAHAN BILANGAN KATIL FASILITI UNIT RAWATAN RAPI (ICU) DI HOSPITAL KERAJAAN DI PULAU PINANG

BIL.	HOSPITAL	GENERAL (GICU)	PEDIATRIK (PICU)	NEONATAL (NICU)	LAIN-LAIN ICU (Cardiothoracic/ Neurosurgery)
1	Hospital Pulau Pinang	26	10	8	17
2	Hospital Seberang Jaya	13	-	12	-
3	Hospital Bukit Mertajam	7	-	-	-
4	Hospital Kepala Batas	4	-	-	-
5	Hospital Sungai Bakap	-	-	-	-
6	Hospital Balik Pulau	-	-	-	-
JUMLAH		50	10	20	17
JUMLAH KESELURUHAN				97	

2) BILANGAN KATIL ICU DI HOSPITAL SWASTA DI PULAU PINANG

BIL.	HOSPITAL	PERKHIDMATAN ICU
1	Island Specialist Hospital	14
2	Penang Adventist Hospital	10
3	Hospital Lam Wah Ee	10
4	Gleneagles Hospital	9
5	Loh Guan Lye Hospital	7
6	Pantai Hospital Penang	6
7	KPJ Penang Specialist Hospital	6
8	Bagan Specialist Hospital	2
JUMLAH KESELURUHAN		64